

## **BAB 1 : MEMBINA MATLAMAT**

Persoalan matlamat belajar seringkali diajukan kepada pelajar sama ada oleh ibubapa, sahabat handai, guru-guru ataupun saudara-mara. Walaupun topik ini sering menghantui sebilangan besar diri pelajar namun persoalan ini masih tetap dianggap satu perkara yang tidak penting. Pelajar seringkali menganggap persekolahan merupakan satu alam yang wajib dilalui oleh semua kanak-kanak dan remaja. Setiap insan yang pernah bergelar pelajar pasti akan bersetuju bahawa zaman persekolahan adalah alam yang menyeronokkan dengan berbagai nostalgia pahit dan manis. Sejak menjejakkan kaki ke tadika, kanak-kanak akan ditanya tentang cita-cita mereka. Soalan yang sama juga diajukan sehingga mereka berada di sekolah menengah. Seringkali cita-cita ini bertukar ganti mengikut selera dan keadaan sewaktu soalan itu diberikan. Namun hakikat yang masih berlegar di minda pelajar ialah berserah kepada suratan takdir menentukan hala tuju mereka selepas alam persekolahan. Keadaan inilah yang berlaku kepada sebilangan besar pelajar yang masih berada di sekolah sekarang ini. Betapa ruginya pelajar yang berfikiran begini. Ibarat kalau sekiranya kita hendak memandu kereta tetapi tidak tahu ke mana yang hendak kita tuju akan menyebabkan kereta itu bergerak dengan tidak ada arah tujuan. Membina matlamat itu penting kepada pelajar kerana ia akan menentukan laluan yang perlu pelajar harungi untuk sampai ke satu destinasi. Matlamat yang dibina haruslah realistik dengan minat, kebolehan dan kemampuan anda. Jangan meletakkan matlamat yang terlalu tinggi sehingga anda langsung tidak mampu untuk mendekatinya. Sebagai contoh anda mempunyai matlamat untuk menjadi seorang doktor tetapi pencapaian akademik anda terlalu lemah menyebabkan matlamat anda hanya akan menjadi angan-angan kosong. Matlamat juga jangan terlalu rendah sehingga anda tidak ada motivasi diri untuk mencapainya. Sebagai panduan pelajar perlu mempunyai matlamat jangka panjang agar pelajar boleh merancang matlamat jangka pendek secara sistematik untuk mencapai matlamat tersebut.

## **Matlamat Jangka Panjang**

Bagi membina matlamat, kita harus mempunyai target yang spesifik. Target kita mungkin dalam bentuk kerjaya, rumah, keluarga, kereta dan sebagainya. Sebagai contoh sekiranya pelajar berminat untuk menceburi bidang akauntan, pelajar perlu mengukur minat, kebolehan serta bakat yang ada pada diri pelajar. Antara perkara yang perlu kita selidiki ialah :

1. Adakah anda tergolong dalam kumpulan orang yang dominan otak kiri? (akan diterangkan dalam bab Otak dan Minda). Untuk menjadi seorang akauntan anda perlu dominan otak kiri kerana pekerjaan ini melibatkan angka.
2. Jalani ujian Soal Selidik Minat Kerjaya oleh John L. Holland. Ini untuk menguatkan lagi ciri-ciri yang ada pada diri anda untuk menceburi bidang akauntan. Bagi kes akauntan, hasil keputusan ujian adalah termasuk dalam kumpulan Konvensional.
3. Kenalpasti personaliti anda dengan jalani Ujian Inventori Warna dan Ujian Personaliti Junior Eysenck.  
(Dapatkan bantuan Kaunselor untuk analisis keputusan ujian).

Selepas kita mengetahui yang kita sesuai untuk menceburi bidang akauntan, kita perlu mengkaji pula tentang kerjaya tersebut seperti pelajar perlu mahir dengan pelajaran Matematik, Matematik Tambahan, Prinsip Akaun sebagai keperluan untuk melanjutkan pelajaran selepas SPM. Pelajar juga harus mengetahui alternatif yang boleh dipilih sebagai laluan ke kerjaya tersebut seperti memasuki Matrikulasi Perakaunan sama ada di Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia atau Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pelajar perlu mengetahui syarat untuk memasuki program matrikulasi tersebut seperti keputusan yang cemerlang iaitu 1A,2A atau 3B dalam mata pelajaran Matematik, Matematik Tambahan dan Prinsip Akaun. (Pengiraan

mata gred diterangkan dalam lampiran 1). Selain itu juga pelajar perlu mendapat kepujian yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Bidang perakaunan memerlukan penguasaan Bahasa Inggeris yang baik bukan sahaja dalam penulisan tetapi juga mahir berkomunikasi. Keperluan ini penting terutamanya apabila pelajar ingin bersaing mendapatkan pekerjaan selepas tamat belajar nanti. Bagi pelajar yang mendapat keputusan yang kurang cemerlang, pelajar boleh cuba memohon program Diploma Perakaunan di Universiti Teknologi Mara atau di Kolej-kolej swasta seperti Universiti Tenaga Nasional, Universiti Multimedia Malaysia, HELP Institute, Kolej Damansara Utama, Nilai International College dan lain-lain lagi. Selepas tamat matrikulasi atau diploma, pelajar perlu menyambung pelajaran Ijazah Pertama dalam bidang perakaunan di IPTA seperti UM, UIA, UKM, USM, UUM dan UPM. Pelajar perlu juga mengetahui bidang-bidang kerjaya yang berkaitan dengan perakaunan sama ada dalam badan kerajaan atau swasta. Selain itu juga pelajar juga sering bertanya tentang tawaran gaji permulaan dalam bidang ini. Secara umumnya graduan Ijazah Pertama perakaunan akan ditawarkan dengan gaji pokok di firma swasta ialah antara RM 1200 hingga ke RM 1400 bergantung kepada lokasi tempat kerja. Kalau sekiranya anda memohon di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Subang Jaya, Georgetown atau Johor Bahru anda mungkin akan mendapat tawaran gaji yang agak tinggi. Selepas mendapatkan tempat untuk memulakan kerjaya akauntan di mana-mana firma selama 3 tahun, anda mungkin bercadang untuk melebarkan sayap dalam bidang ini dengan menyertai Institut Persatuan Akauntan Malaysia (MIA), The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) dan mengambil ujian kelayakan profesional. Dengan keahlian dalam badan ini, anda boleh menjurus kepada bidang-bidang tertentu dalam akaun seperti audit, pengurusan, perniagaan dan lain-lain lagi. Kemahiran tambahan yang anda perolehi ini sudah tentu memberikan pulangan gaji yang lebih tinggi.

Pelajar perlu mengetahui mengenai laluan kerjaya ini secara terperinci agar pelajar dapat mempersiapkan diri dengan keperluan akademik yang

diperlukan terutamanya memperbaiki kelemahan mata pelajaran penting dalam bidang tersebut di sekolah selain keperluan tambahan seperti mahir berbahasa Inggeris. Bagi meningkatkan motivasi pelajar, adalah digalakkan pelajar untuk melawat ke kampus universiti yang menawarkan kursus yang pelajar minat sama ada dengan keluarga atau mengikuti rombongan sekolah. Menjejaki pengalaman dan suasana hidup di kampus boleh membakar semangat pelajar untuk berusaha menjejakkan kaki ke menara gading tersebut.

Pelajar juga perlu mempersiapkan diri dengan personaliti yang diperlukan dalam kerjaya tersebut seperti komitmen yang tinggi terhadap tugas yang diberi, sabar, jujur, tekun dan sedia bertugas lebih waktu kerana sesetengah kerjaya seperti akauntan memerlukan masa yang agak panjang untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Mungkin pada peringkat awal, anda terpaksa berkorban masa untuk mempelajari secara praktikal rencah kehidupan seorang akauntan. Anda perlu ingat senario sebenar kerjaya yang anda pilih mungkin tidak semudah yang anda bayangkan sewaktu anda menuntut dalam bidang tersebut di sekolah atau universiti. Kadangkala anda mempunyai masa yang terhad terhadap keluarga apabila anda sebuk dengan tugas yang diberi. Bagi mendapatkan keadaan sebenar kerjaya yang anda idamkan, anda juga perlu berkongsi pengetahuan dengan orang-orang yang telah berpengalaman dalam kerjaya tersebut. Anda perlu mengetahui pengalaman pahit yang dilalui oleh mereka agar anda bersedia untuk menghadapinya.

Apabila pelajar sudah mendapat gambaran yang jelas dalam bidang kerjaya, pelajar akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat yang telah pelajar tanamkan dalam minda pelajar. Sudah menjadi perkara biasa bagi pelajar kadangkala leka, lalai dan mudah berputus asa apabila gagal atau mencapai keputusan sederhana dalam peperiksaan sewaktu di alam persekolahan. Untuk menghindarinya anda perlu mendapatkan suntikan semangat dari guru dan kaunselor selalu agar sentiasa tabah dan bersedia menghadapi cabaran yang tiba.

## **Matlamat Jangka Pendek**

Matlamat jangka pendek adalah penting kerana ia merupakan gelombang-gelombang serta onak duri yang harus ditempuhi oleh pelajar dalam mempersiapkan diri mencapai matlamat jangka panjang yang dibina. Seperti yang telah diterangkan matlamat yang akan kita bina perlulah spesifik dan konkrit (Dr. HM Tuah). Matlamat jangka pendek ini termasuklah matlamat harian, mingguan, bulanan dan semester.

Pelajar perlu menetapkan matlamat harian dalam menentukan rutin belajar. Sebagai contoh kalau sekiranya pelajar telah menetapkan dalam jadual belajar (akan diterangkan dalam bab Pengurusan Masa) adalah selama 4 jam sehari. Maka pelajar perlu memastikan yang pelajar harus mendisiplin diri mengikut jadual belajar yang telah dibuat. Begitu juga dalam memastikan topik yang perlu pelajar selesaikan pada hari itu, seperti Tamadun Awal (Sejarah), Persamaan Serentak (Matematik Tambahan) dan Pertumbuhan (Biologi) pelajar patut pastikan ianya mengikut jadual yang telah ditetapkan. Ini termasuklah menyiapkan latihan dalam topik tersebut. Pelajar perlu menetapkan aras markah minima yang perlu dicapai dalam membuat latihan di setiap topik. Penetapan ini bergantung kepada kebolehan anda, jangan terlalu tinggi dan jangan terlalu rendah. Sebagai contoh mendapat 80% betul bagi soalan objektif bab Tamadul Awal. Masalah yang sering dihadapi oleh pelajar ialah sering bertangguh, tidak mengikut jadual belajar harian dan mengutamakan perkara lain yang tidak berapa penting. Dalam hal ini, pelajar haruslah meminta kerjasama dari ahli keluarga sendiri seperti ibubapa, abang atau kakak yang boleh mengingatkan pelajar sekiranya tidak mematuhi jadual belajar harian pelajar. Selain dari itu, pelajar mungkin perlu menetapkan motivasi intrisik dengan memberi ganjaran kepada diri sendiri seperti mendengar musik kegemaran sekiranya berjaya menyelesaikan tugas yang ditetapkan dalam jadual belajar. Ingat, kekalahan awal yang mungkin pelajar hadapi ialah gagal mengikut jadual belajar.

Kalau sekiranya markah pelajar dalam setiap mata pelajaran sederhana, pelajar perlu menetapkan aras peningkatan markah pelajar yang harus dicapai. Sebagai contoh kalau sebelum ini pelajar sering mendapat markah 40% hingga 60% dalam matematik, pelajar perlu menggandakan usaha untuk mencapai 70% dalam ujian yang akan datang dan 85% dalam peperiksaan semester. Sebagai mencabar usaha ini, pelajar perlu menggariskan matlamat pencapaian setiap mata pelajaran yang anda akan ambil dalam peperiksaan semester di satu sudut bilik pelajar yang boleh dilihat oleh ahli keluarga. Sebagai ganjaran ekstrinsik (luaran) kerjasama dari ibubapa, kakak atau abang boleh digunakan untuk membantu meningkatkan motivasi diri pelajar. Ganjaran tersebut mungkin berbentuk membelikan buku cerita kegemaran pelajar yang harganya agak mahal. Ganjaran ini perlu ditetapkan mengikut kemampuan dan dengan persetujuan ahli keluarga pelajar. Menetapkan matlamat pencapaian matapelajaran ini harus selari dengan kehendak matlamat jangka panjang pelajar. Contohnya pelajar perlu mencapai 70% dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peperiksaan semester akan datang kerana matapelajaran tersebut merupakan antara syarat asas untuk mengikuti program diploma dalam bidang yang anda idamkan sewaktu peperiksaan SPM nanti. Namun begitu pelajar boleh menetapkan aras yang fleksibel secara berperingkat kerana khuatir sekiranya pelajar tidak mencapai aras yang terlalu tinggi bagi pelajar untuk mencapai akan melunturkan semangat dan motivasi pelajar. Perbincangan dengan guru yang mengajar matapelajaran tersebut boleh membantu pelajar menetapkan tanda aras pencapaian di setiap ujian.

Matlamat jangka pendek tidak semestinya hanya berkisar kepada pencapaian akademik sahaja kerana terdapat unsur-unsur lain yang boleh membantu pelajar mencapai matlamat jangka panjang yang ditetapkan. Contohnya seperti menetapkan harus melakukan aktiviti raiadah atau bersukan sejam sehari atau berjogging dua kali seminggu untuk membekalkan oksigen yang perlu ke otak. Aktiviti lain yang boleh difikirkan ialah membaca satu novel Bahasa Inggeris setiap minggu dan sebagainya.

